

*Artikel Penyelidikan*

# Menyingkap Sejarah Penubuhan Masjid Saujana Utama, Sungai Buloh, Daerah Kuala Selangor.

Muhammad Irfan Danial Saifulamri<sup>1</sup>, Muhamad Hafiz Mohd Khir<sup>2</sup>, Saiful Farik Mat Yatin<sup>3</sup> dan Jafalizan Md Jali<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [2022770463@student.uitm.edu.my](mailto:2022770463@student.uitm.edu.my):

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [2022958313@student.uitm.edu.my](mailto:2022958313@student.uitm.edu.my):

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [farik@uitm.edu.my](mailto:farik@uitm.edu.my);  0000-0001-5446-7755

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my);  0009-0009-7236-9863

\* Correspondence: [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my); +0192055563.

**Abstrak:** Masjid memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia. Sejarah masjid adalah pokok kepada penghayatan asal-usul, perkembangan, dan identiti komuniti Islam tempatan. Dengan mempelajari sejarah masjid, kita dapat mengetahui sejarah dan peristiwa di sebalik tabir sesebuah bangunan masjid termasuklah penubuhan, pentadbiran, sosial, dan budaya, serta sumbangan masjid terhadap masyarakat dan komuniti setempat. Masjid di Malaysia bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai pusat kegiatan sosial, pendidikan, dan kebajikan. Artikel ini akan membincangkan tentang salah satu masjid yang terdapat di Selangor, iaitu Masjid Saujana Utama (MSU), Sungai Buloh, Daerah Kuala Selangor yang memainkan peranan penting sebagai pusat tumpuan besar masyarakat sekitar Bandar Saujana Utama untuk melaksanakan aktiviti ibadah dan kemasyarakatan. Artikel ini turut membincangkan berkenaan perkembangan MSU yang merangkumi sejarah awal penubuhannya, peranan, cabaran sehingga kini, nasihat dan harapan dalam mendepani cabaran pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** Masjid Saujana Utama, Jabatan Agama Islam Selangor, peranan dan cabaran masjid.

DOI: 10.5281/zenodo.13927752

---



**Copyright:** © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Masjid bermaksud "tempat sujud" atau "tempat mengerjakan sembahyang" dalam bahasa Arab. Dari sudut syarak, masjid juga boleh merujuk kepada mana-mana tempat permukaan bumi yang disediakan untuk mengerjakan sembahyang, seperti yang dinyatakan dalam sebuah hadis Sahih Riwayat al-Bukhari (Muhammad Faidhi, 2022).

Masjid adalah institusi yang sangat penting dalam Islam, dan orang yang memakmurkannya diberikan kemuliaan dan kedudukan yang hebat di sisi Islam. Pengimarah masjid merujuk kepada mereka yang selalu datang ke masjid dan duduk di dalamnya untuk beribadah kepada Allah, serta mereka yang membangunkan dan memperbaiki masjid (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

Kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan dan memahami pengalaman hidup serta pengetahuan peribadi seorang tokoh yang berusia 50 tahun iaitu Professor Madya Ts Dr Hj Saiful Farik Mat Yatin, yang memegang jawatan sebagai seorang Nazir, Masjid Saujana Utama (MSU), Sungai Buloh, Daerah Kuala Selangor. Beliau merupakan tokoh yang memegang tanggungjawab besar menguruskan masjid tersebut. Sebagai salah seorang tokoh yang memegang jawatan yang tertinggi dalam MSU, beliau telah menyaksikan banyak peristiwa dan perubahan dalam sejarah dan perkembangan masjid.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk merekodkan naratif peribadi dan pengalaman hidup tokoh, termasuk cerita mengenai kehidupan harian, kegiatan sosial, kebajikan, dan aspek kehidupan lain yang memainkan peranan penting dalam menguruskan masjid. Kepentingan kajian ini adalah untuk memastikan bahawa pengetahuan, pengalaman, dan cerita peribadi tokoh ini tidak terpinggir dan terlupakan, serta dapat diteruskan dan diambil iktibar oleh generasi akan datang. Melalui pemahaman dan pengalaman mendalam beliau, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemeliharaan sejarah dan identiti yang lebih baik mengenai MSU. Malah, kajian ini juga diharapkan akan dapat memberikan inspirasi dalam menjalankan operasi dan pengurusan sesebuah masjid demi menyuburkan penghayatan Islam, membentuk rohani dan jasmani masyarakat setempat.

## **2. PERMASALAHAN KAJIAN**

### **a. Sejarah Dan Asal Usul**

Secara amnya, warisan dan asal usul sesebuah masjid yang mempunyai keunikan tersendiri akan lenyap dari masa ke semasa. Perkembangan teknologi memberi kesan yang mendalam apabila masyarakat sekarang lebih mementingkan pemodenan semata daripada menghargai sesuatu warisan di depan mata. Kajian dan penyelidikan yang kurang tentang MSU menyebabkan kurangnya fahaman mendalam mengenai sejarah dan perkembangan MSU. Hal ini menimbulkan persoalan dan pertanyaan kepada masyarakat setempat dan pewaris generasi hadapan yang memerlukan maklumat tersebut bagi tujuan panduan atau rujukan dan keperluan yang lain. Nadzan (2012) telah menghuraikan tentang kepentingan sejarah lisan dan tradisi terhadap peningkatan ilmu sejarah dan warisan. Oleh kerana itu, kajian lisan yang mendalam perlu dilakukan agar MSU sendiri “tidak lapuk dek hujan tidak lekang dek panas”. Fahaman yang terbatas mengenai asal-usul dan perkembangan MSU disebabkan oleh kajian yang kurang menimbulkan ketidakpastian untuk merakam perjalanan sejarah dan perubahan yang mungkin berlaku di masjid. Limitasi dalam dokumentasi dan ketidakpastian mengenai asal-usul MSU merugikan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan. Tambahan pula, ianya akan menyulitkan usaha memahami dan mengekalkan elemen-elemen bersejarah yang dapat menjadi sumber yang penting dalam kalangan penduduk berdekatan. Dengan menghargai dan memahami sejarah serta asal usul MSU, masyarakat dapat lebih menghargai warisan ini dan memastikan ia terus relevan dan dihargai dalam arus pemodenan ini.

### **b. Kepentingan Dan Peranan**

Menggali kembali peranan masjid pada zaman Rasulullah S.A.W memberi kita pemahaman yang mendalam mengenai fungsi sebanar institusi Islam dalam membentuk masyarakat yang utuh. Masjid bukan sekadar tempat ibadah, tetapi juga berfungsi sebagai pusat pendidikan, pertemuan dan penyelesaian masalah sosial. Dalam konteks ini, masjid memainkan peranan penting dalam menyatupadukan umat Islam, memperkuuh ukhuwwah dan membina komuniti yang berdaya saing. Seiring dengan perkembangan zaman, peranan masjid di Malaysia juga perlu diperkasakan untuk

memenuhi keperluan masyarakat Islam kontemporari. Masjid seharusnya berfungsi sebagai pusat integrasi sosial, pendidikan dan aktiviti kemasyarakatan yang relevan dengan cabaran semasa. Melihat kepada kejayaan fungsi masjid pada zaman Rasulullah tersebut, peranan dan fungsi masjid di Malaysia perlu diperkasakan secara optimum bagi membina kekuatan ummah dan memenuhi keperluan masyarakat Islam kontemporari (Nor Azlina et al., 2016). Secara keseluruhannya, kepentingan dan peranan masjid telah mencakupi keperluan dalam semua aspek kehidupan sama ada dari segi rohani mahupun jasmani, lebih-lebih lagi umat Islam. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis serta meneliti sama ada institusi masjid pada masa kini masih mengekalkan kepentingan dan peranan yang sama seperti zaman Nabi Muhammad S.A.W ataupun terdapat perubahan.

### c. Cabaran Dan Harapan

Masjid sering kali dianggap hanya lokasi untuk solat dan aktiviti keagamaan semata, padahal sepatutnya ia berperanan sebagai pusat komuniti yang lebih berfungsi dan inklusif. Di Malaysia cabaran utama ialah banyak masjid yang masih beroperasi dalam batasan yang sempit dengan kekurangan program serta aktiviti yang dapat melibatkan seluruh golongan masyarakat. Ketiadaan penglibatan aktif dari komuniti setempat termasuklah golongan muslimat dan remaja dapat menghalang masjid daripada menjadi pusat rujukan dan aktiviti sosial yang berkesan. Secara umumnya masyarakat hari ini melihat masjid sebagai tempat ibadah khusus dalam kehidupan Muslim. Persepsi sedemikian perlu dimurnikan agar seluruh masyarakat memahami konsep sebuah masjid dan menyedari pentingnya peranan sebuah masjid dalam membangunkan ummah (Muhammad Talhah et. al., 2019). Akibatnya, masjid tidak dapat mencapai potensi penuh mereka dalam menyokong dan memajukan segenap ummah. Isu yang selalu ditimbulkan dalam kalangan masyarakat yang cakna agama adalah berkenaan kedudukan masjid-masjid yang kurang atau tidak lagi diimarahkan di negara Malaysia (Mahazan et. al., 2013). Masjid yang kurang diimarahkan ini kebiasaannya menunjukkan kurangnya aktiviti dan program yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat termasuklah golongan muslimat dan remaja. Ketiadaan penglibatan aktif dari semua golongan menyebabkan masjid tidak dapat memainkan peranan mereka secara berkesan dalam membangunkan segenap ummah. Masjid-masjid di Malaysia kebanyakannya menghadapi cabaran yang sama iaitu dari segi pengimaranan, muslimat dan juga remaja. Kajian ini dilakukan untuk melihat sama ada MSU juga menghadapi cabaran yang sama seperti yang telah dinyatakan di atas. Selain itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran lain yang telah dihadapi oleh MSU serta harapan mereka kepada MSU sendiri dan dalam menangani cabaran ini.

## 3. OBJEKTIF KAJIAN

Dalam upaya mencapai hasil yang diharapkan, objektif dari kajian ini adalah:

- i. Untuk menyelidiki sejarah dan asal-usul Masjid Saujana Utama
- ii. Untuk menilai sejauh mana kepentingan dan peranannya terhadap komuniti dan masyarakat setempat
- iii. Untuk mengkaji cabaran dan harapan Masjid Saujana Utama

## 4. PERSOALAN KAJIAN

- i. Bagaimakah asal-usul Masjid Saujana Utama dan apa faktor-faktor pendiriannya?

- ii. Sejauh mana Masjid Saujana Utama memainkan peranan dan kepentingannya dalam membentuk komuniti dan masyarakat setempat?
- iii. Apakah cabaran dan harapan Masjid Saujana Utama?

## 5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian sejarah lisan di MSU memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai sejarah, pembangunan, dan identiti masjid. Dengan merekodkan serta menganalisis pengalaman hidup dan pengetahuan peribadi tokoh, kajian ini akan memastikan bahawa sejarah, pembangunan dan sebagainya akan menjadi bahan rujukan kepada generasi akan datang sebagai bahan untuk memupuk semangat cintakan agama dan membentuk generasi yang tidak lupa asal-usulnya.

Selain itu, kajian ini turut memberi sumbangan kepada pengetahuan umum mengenai pemahaman tentang sejarah asal-usul serta perkembangan masjid dan memperkuatkannya peranan masjid sebagai pusat kegiatan keagamaan dan sosial di komuniti setempat. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu memperluas pemahaman agama dalam kalangan jemaah, mempromosikan nilai-nilai kesantunan, toleransi, dan keharmonian dalam masyarakat setempat.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

### 1) Sejarah Dan Asal Usul Masjid Pada Zaman Rasulullah S.A.W

Masjid merupakan institusi yang sangat penting untuk umat Islam. Masjid pertama yang telah dibina merupakan Masjid Quba'. Masjid ini dibina oleh Rasulullah SAW semasa baginda berhijrah ke Madinah. Selain itu, Masjid Nabawi dibina dan telah menjadi pusat perpaduan umat Islam serta memperkuuh ukhuwah Islamiyyah. Bandar-bandar dibina mengelilingi masjid serta masjid merupakan pusat komuniti masyarakat. Masjid juga berfungsi sebagai tempat untuk umat Islam beribadat. Kegemilangan tamadun Islam berkait rapat dengan unsur pendidikan dan ilmu pengetahuan. Penubuhan negara Islam Madinah oleh Rasulullah SAW menyaksikan bagaimana masjid dinobatkan sebagai sebuah institusi pendidikan dari segi rohani dan jasmani hingga menjadi mercu tanda keagungan peradaban dan kedaulatan umat Islam (Mohd Ismail et. al., 2017). Selain itu, masjid juga berperanan penting sebagai pusat pendidikan, kebajikan, pentadbiran, undang-undang serta banyak lagi. Masjid Nabawi juga pada zaman Rasulullah SAW menjadi tempat kediaman baginda. Selain itu, masjid juga berperanan sebagai institusi penting untuk penyebaran dan perkembangan ajaran Islam sejak dari zaman dahulu lagi. Secara keseluruhannya, masjid merupakan institusi yang sangat penting untuk umat Islam sendiri yang mempunyai peranan dan fungsi yang penting dan tersendiri.

### 2) Sejarah Dan Asal Usul Masjid Di Selangor

Masjid-masjid di Selangor memiliki sejarah yang penuh dengan pembangunan-pembangunan masjid yang bukan hanya berfungsi sebagai tempat ibadah semata-mata tetapi juga cerminan kepada budaya komuniti setempat. Masjid-masjid di Selangor kebiasaannya mempamerkan kekayaan seni arkitek Islam seperti Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Secara keseluruhannya, masjid-masjid di Selangor berfungsi dengan baik sebagai pusat ibadah, pendidikan, kebajikan, dan kemasyarakatan untuk umat Islam di negeri Selangor. Pelbagai usaha juga telah dilakukan untuk memenuhi keperluan serta menarik minat umat Islam untuk sentiasa datang ke masjid. Di Selangor, masjid-masjid diuruskan oleh Jawatankuasa Masjid yang telah dilantik oleh Majlis Agama Islam

Selangor (MAIS). Mereka yang telah dilantik ini akan bertanggungjawab dalam apa-apa hal ehwal masjid termasuk kewangan, program serta pentadbiran masjid itu sendiri. Peraturan-peraturan perlu dipatuhi oleh Pengurus dan jemaah masjid seperti yang telah termaktub dalam "Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau Negeri Selangor 2017 (Majlis Agama Islam Selangor, 2017). Secara umumnya, masjid-masjid di Selangor perlu mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh MAIS. Ini bertujuan untuk menjadikan masjid sebagai sebuah institusi yang berfungsi secara optimal dalam membina masyarakat muslim yang berakhhlak mulia lebih-lebih lagi masyarakat di Selangor.

### 3) Sejarah Dan Asal Usul MSU

MSU, terletak di kawasan perumahan Saujana Utama, merupakan satu institusi penting bagi komuniti setempat. Dibina pada tahun 2009, masjid ini telah melalui pelbagai perkembangan yang menyaksikan pertambahan fasiliti dan peningkatan jumlah jemaah. Ianya dibina sebagai memenuhi keperluan pusat ibadah utama bagi penduduk kawasan perumahan ini, berfungsi sebagai pusat aktiviti komuniti yang menyatukan masyarakat melalui pelbagai program keagamaan dan sosial. Lokasi masjid yang strategik yang berada di tengah-tengah Bandar Saujana Utama yang merupakan sebuah kawasan perumahan yang pesat membangun, menjadikannya pusat tumpuan bukan sahaja untuk solat berjemaah tetapi juga untuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang lain. Jawatankuasa masjid memainkan peranan penting dalam memastikan operasi harian masjid berjalan lancar dengan merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang bermanfaat untuk masyarakat. Mereka bertanggungjawab menguruskan sumber kewangan, merancang program keagamaan, dan memastikan kemudahan masjid sentiasa dalam keadaan terbaik untuk digunakan oleh jemaah.

### 4) Peranan Umum Masjid

Pada masa dahulu, fungsi masjid adalah lebih tertumpu kepada peranan tradisional sebagai tempat ibadah dan pusat komuniti. Masjid adalah tempat di mana umat Islam berkumpul untuk menunaikan solat berjemaah, khususnya solat Jumaat, yang menjadi waktu penting untuk mendengar khutbah dan mendapatkan pengajaran agama. Selain itu, masjid menjadi tempat utama untuk pelaksanaan ibadah-ibadah lain seperti solat Tarawih pada bulan Ramadan dan solat Jenazah. Di zaman dahulu, masjid juga berfungsi sebagai pusat pendidikan agama. Anak-anak belajar membaca Al-Quran dan memahami asas-asas agama Islam di bawah bimbingan Imam atau guru agama tempatan. Kuliah-kuliah agama dan pengajian kitab turut diadakan untuk mendalami ilmu agama bagi golongan dewasa.

Menurut Dr. Saiful Farik Mat Yatin, pada masa kini, fungsi masjid telah berkembang lebih luas, bukan sahaja sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai pusat komuniti dan sosial. Masjid kini menganjurkan pelbagai aktiviti untuk semua peringkat umur, termasuk program kebajikan, program aktiviti dan ceramah agama dan motivasi. Pendidikan agama juga diberikan penekanan yang lebih sistematik dengan pengendalian sekolah agama seperti KAFA. Selain itu, masjid memainkan peranan dalam mengukuhkan perpaduan komuniti melalui program-program yang menyatukan masyarakat di sekitar MSU.

### 5) Peranan MSU

MSU berperanan sebagai pusat ibadat dan keagamaan utama bagi penduduk setempat, berfungsi untuk menyatukan masyarakat melalui solat berjemaah, pengajian Al-Quran, dan kuliah agama. Aktiviti-aktiviti ini memastikan keperluan rohani komuniti dipenuhi dan memupuk semangat keislaman yang kuat. Selain itu, masjid ini juga berperanan sebagai pusat komuniti dan sosial, menganjurkan pelbagai program untuk semua golongan, termasuk ceramah, kelas pengajian Al-Quran, dan program kebajikan dan kemasyarakatan. Peranan pendidikan masjid tidak kurang

pentingnya, dengan mengendalikan sekolah agama KAFA yang menyediakan pendidikan agama formal kepada kanak-kanak. Ini bagi memastikan generasi muda mendapat asas agama yang kukuh sejak diawal usia, sekaligus membentuk masyarakat yang berilmu dan berakhlaq mulia. Melalui gabungan fungsi-fungsi ini, MSU memainkan peranan menyeluruh dalam membina dan mengukuhkan komuniti Islam di kawasan tersebut.

#### 6) Prosedur dalam pembinaan Masjid

Pembinaan masjid merupakan proses yang melibatkan perancangan teliti dan usaha bersama oleh komuniti setempat. Pemilihan tapak pembinaan adalah langkah pertama yang penting, di mana masjid biasanya dibina di lokasi yang mudah diakses oleh penduduk setempat. Lokasi yang dipilih sering kali adalah pusat kawasan penempatan agar mudah dihadiri oleh seluruh komuniti. Kemudian, proses reka bentuk masjid akan dimulakan, merangkumi pelan lantai yang termasuk ruang solat utama, Mihrab (tempat imam), Mimbar (tempat khatib berkhotbah), dan ruang tambahan seperti serambi dan tempat wudhu.

Tapak pembinaan masjid perlu diluluskan oleh Majlis Agama Islam yang bertindak sebagai pemegang amanah kepada masjid dan tanah. Lokasi masjid perlu dirancang dengan baik untuk memastikan ianya mempunyai ruang pemberian yang mencukupi bagi menampung keperluan pertambahan penduduk pada masa akan datang. Semasa pembinaan, Jawatankuasa Kariah/Surau perlu mematuhi kaedah dan tatacara pelupusan bahan-bahan bangunan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Selain itu, pembinaan masjid juga perlu mematuhi spesifikasi dan standard yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama dan perancangan.

#### 7) Prosedur dalam pembinaan MSU

Pada April 2008, MSU mula dibina sehingga Oktober 2009 yang berharga RM 4.55 juta. Pembinaan masjid ini mengambil masa kira-kira 17 bulan. Pembinaan MSU bertujuan untuk memenuhi keperluan ibadah serta aktiviti kemasyarakatan masyarakat di kawasan Saujana Utama dan juga Pristana. Menurut Dr. Saiful Farik Mat Yatin, pada awalnya, pembinaan MSU melibatkan penubuhan Sekretariat yang terdiri daripada gabungan sembilan (9) surau di kawasan sekitar. Sekretariat ini diketuai oleh Arwah Haji Harun dan Haji Salleh yang kerap mengadakan mesyuarat bersama Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Kuala Selangor, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Tapak masjid disediakan oleh pemaju perumahan dan telah diwartakan sebagai kawasan untuk masjid, dengan tanah milik MAIS. Jabatan Kerja Raya (JKR) bertanggungjawab atas reka bentuk dan pembinaan bangunan masjid, termasuk penyediaan kontraktor. Proses perbincangan dan persetujuan diadakan secara berkala untuk memastikan kelancaran projek, dengan pemaju juga bertanggungjawab menyediakan tapak masjid dan tanah perkuburan sebagai sebahagian daripada keperluan perumahan. Kunci MSU pada waktu pembukaannya telah diserahkan kepada Tuan Haji Harun Abd Rahman iaitu Pengurus Jawatankuasa Penaja Pembinaan MSU. Ia juga disaksikan oleh Encik Shahrom Mohd Mokhtar dari Hasil Koperat Sdn Bhd yang merupakan wakil kontraktor pembinaan masjid tersebut. Yang Berhormat Dr. Dzulkefly Ahmad iaitu Ahli Parliment Kuala Selangor juga turut hadir. Reka bentuk MSU juga sama dengan beberapa masjid yang terdapat di Selangor seperti Masjid Subang Perdana dan Masjid Jamii Fastabiqul Khayrat, Batu Tiga. Senibina tiga masjid ini berkonsepkan seni bina Melayu.

#### 8) Jawatan sebagai Nazir masjid

Jawatan Nazir masjid merupakan tanggungjawab penting dalam mengelola harta benda wakaf di masjid. Di Selangor, terdapat beberapa syarat dan kriteria pelantikan bagi Nazir. Dari segi kelayakan umur dan kewarganegaraan, calon hendaklah berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak

melebihi 65 tahun serta seorang warganegara Malaysia yang bermastautin atau bermukim dalam kariah masjid. Untuk kriteria khusus, calon perlu memiliki kelulusan akademik minima seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Agama (SPA), dengan keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai Diploma dan ke atas. Mereka juga perlu mampu mengetuai halaqah-halaqah yang melibatkan jawatankuasa dan jemaah, boleh mengimamkan sembahyang, menyampaikan khutbah, dan mengetuai majlis tahlil. Selain itu, calon tidak boleh menganggotai jawatan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah bagi masjid yang lain. Mereka juga perlu boleh membaca, menulis, dan mengira, serta mempunyai pengetahuan agama Islam dan melibatkan diri dalam aktiviti masjid. Calon yang mempunyai akhlak yang mulia, amanah, serta selalu melakukan amal kebaikan, serta sihat tubuh badan dan mental adalah digalakkan. Akhirnya, calon perlu mempunyai daya kepimpinan dan kreativiti untuk meningkatkan kemajuan masjid.

9) Jawatan sebagai Nazir MSU

Skop kerja seorang Nazir MSU sangat luas dan mencabar, meliputi operasi dan pengurusan masjid, tanah perkuburan Islam, sekolah KAFA, koperasi masjid, dan kutipan serta agihan zakat. Sebagai Nazir, tanggungjawabnya merangkumi pentadbiran harian masjid, pengawasan terhadap Tanah Perkuburan Islam Raudhatul 'Aliyah (RASU), kepimpinan dalam Sekolah Islam Madinatul Ilmi (SRIMI) sebagai Pengurus, pengurusan Koperasi Kariah Masjid (KKM) sebagai Timbalan Pengurus, serta Ketua Penolong Amil Kariah/Fitrah kepada Amil/Amilah Kariah/Fitrah dalam hal kutipan dan agihan zakat. Dengan populasi kariah yang besar seperti di Saujana Utama iaitu menghampiri 120,000 orang, tugas-tugas ini memerlukan kecekalan organisasi dan pengurusan yang cekap untuk memastikan keperluan komuniti terpenuhi dengan baik. Menurut Dr. Saiful Farik Mat Yatin, terdapat perbezaan yang jelas antara proses pencalonan dan pemilihan bagi Pegawai dan Ahli Jawatankuasa (AJK). Calon untuk jawatan Pegawai seperti Nazir, Imam, Bilal, dan Siak dicadangkan oleh jemaah masjid dan kemudian mereka akan menjalani sesi temuduga untuk menilai kesesuaian berdasarkan kebolehan, latar belakang agama, dan kemahiran praktikal. Sebaliknya, calon untuk menjadi AJK diundi oleh jemaah masjid atau masyarakat setempat, pemilihan mereka yang paling disenangi dan mampu mewakili dan menyampaikan keperluan komuniti kepada pengurusan masjid.

10) Cabaran-cabaran masjid

Peranan dan fungsi masjid tidaklah terhad kepada golongan lelaki dewasa sahaja tetapi juga turut memberi ruang kepada golongan wanita, remaja serta kanak-kanak sendiri. Mereka juga terdiri daripada komuniti masyarakat Islam itu sendiri. Oleh itu, sepatutnya institusi Islam melaksanakan program-program yang bersifat realistik terhadap semua peringkat golongan masyarakat. Terdapat juga cabaran-cabaran lain seperti penglibatan muslimat. Walaupun pelbagai aktiviti serta program yang telah dilakukan tetapi golongan ini sering kali menghadapi pelbagai cabaran dalam penglibatan mereka. Menurut Sahlawati et. al. (2023), beberapa halangan utama termasuklah stereotaip gender, di mana pandangan tradisional mungkin menjadi faktor utama yang menghalang peranan aktif wanita dalam pengurusan dan aktiviti masjid. Selain itu, pengabaian terhadap idea dan pandangan muslimat serta ketidaksamarataan akses kepada keputusan penting dalam pengurusan masjid juga merupakan isu yang perlu diberi perhatian penuh. Hal ini boleh menyebabkan penglibatan muslimat tidak tercapai potensi maksimumnya dalam menyokong dan memajukan fungsi masjid. Di samping itu, masjid juga mempunyai cabaran yang besar terutamanya dari segi remaja. Di era yang moden ini, kebanyakkan remaja menghabiskan masa mereka dengan aktiviti sosial berbanding pergi ke masjid. Hal ini kerana mereka menganggap pergi ke masjid itu hanya dilakukan oleh golongan-golongan yang lebih tua. Remaja-remaja ini tidak terbuka mata mereka untuk melihat dan menyadari bahawa masjid ini bukan hanya sekadar institusi masjid semata-mata tetapi lebih dari itu. Ini merupakan salah satu cabaran yang


besar buat institusi Islam itu sendiri kerana bukan mudah untuk menarik golongan-golongan remaja ini untuk pergi ke masjid. Dengan itu, institusi Islam itu sendiri lebih-lebih lagi masjid perlu memerah otak dan idea untuk menarik golongan ini. Jika masjid terus menerus tiada pengunjung daripada golongan remaja maka tiada penerus untuk generasi yang akan datang. Dalam konteks remaja, program-program seperti sukan, sukaneka, pelajaran seni mempertahankan diri, senaman, futsal, mendaki bukit, kompong, pingpong, karom dan latihan memanah boleh dilaksanakan (Nazneen et. al., 2014). Dengan adanya, program-program yang pelbagai dan inklusif, masjid dapat berfungsi sebagai pusat komuniti yang memupuk perpaduan serta kemajuan masyarakat Islam secara menyeluruh.

### 11) Kajian Lepas

Kajian-kajian yang lepas kebanyakannya tertumpu ke arah peranan masjid serta masyarakat setempatnya sebagai contoh kajian yang telah dilakukan oleh Muhammad Yusuf Marlon, Mariam & Nursyafiqah (2017) yang bertajuk "Kepentingan Masjid dan Peranannya Terhadap Dakwah Islamiah Dalam Kalangan Muallaf Di Malaysia". Kajian ini menargetkan golongan muallaf di sekitar masjid untuk mengkaji hubungan program masjid yang diadakan dengan pemantapan akidah mereka. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti program atau aktiviti yang diadakan oleh masjid tersebut. Masjid adalah tempat ibadah umat Islam yang khusus untuk solat dan iktikaf. Bangunan ini juga merupakan pusat kebudayaan, muamalat, dan perkembangan dakwah Islamiah, serta pusat aktiviti umat Islam. Masjid tidak mempunyai rupa bentuk yang tetap, tetapi bergantung kepada budaya masyarakat Islam setempat. Dari sudut bahasa, "masjid" bermaksud tempat bersujud. Sejak zaman permulaan Islam lagi, kemajuan umat dan gerakan Islam semuanya bermula dari masjid. Pembinaan masjid adalah salah satu elemen penting dalam sejarah Islam yang melambangkan titik tolak perkembangan masyarakat Muslim. Masjid, yang bermaksud "tempat sujud" secara harfiahnya, memainkan peranan utama dalam kehidupan umat Islam sebagai pusat ibadah, pendidikan, dan sosial. Sejarah pembinaan masjid bermula dengan Masjid Nabawi di Madinah, yang didirikan oleh Nabi Muhammad SAW selepas Hijrah dari Makkah ke Madinah pada tahun 622 Masihi. Masjid ini tidak hanya berfungsi sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat pengajaran, pembuatan keputusan, dan administrasi awal dalam Islam. Terdapat juga kajian-kajian lepas yang memfokuskan kepada cabaran masjid pada masa kini. Antara contoh kajianya adalah kajian yang dilakukan oleh Mohd Ridhuwan et. al. (2019). Kajian tersebut membincang cabaran pengurusan aktiviti pengimaranan di institusi masjid pada kajian kes di Masjid Cemerlang di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual separa berstruktur untuk mengenal pasti dua cabaran utama iaitu dari pihak Ahli Jawatankuasa Masjid (AJK) dan masyarakat. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kurangnya pemahaman mengenai konsep masjid, isu kewangan seperti gaji dan elaun rendah serta penglibatan sukarela AJK menjadikan faktor penghalang kepada pengimaranan masjid. Artikel ini menekankan pentingnya kerjasama antara pengurusan dan masyarakat untuk memastikan masjid berfungsi secara maksimum dalam membina masyarakat Islam yang terbaik. Secara keseluruhannya, kedua-dua kajian ini mencerminkan kepentingan masjid dalam membina masyarakat Islam yang unggul. Namun cabaran semasa juga perlu ditangani melalui kerjasama antara pelbagai lapisan masyarakat.

i. Hasil Carian Pelbagai Sumber

a. *Google*



Mengikut carian *Google*, terdapat lebih daripada 158,000 carian berkaitan MSU. 158,000 carian tersebut terdiri daripada video, artikel, foto, berita, media sosial, laman web dan sebagainya. Carian ini juga membuktikan bahawa MSU mempunyai kepentingan dan populariti dalam kalangan warga setempat serta di peringkat yang lebih luas.

b. *Online Finding Aids (OFA)*

*Online Finding Aids (OFA)* Arkib Negara Malaysia tidak mempunyai sebarang carian berkaitan MSU. Kekosongan ini merupakan antara sebab yang kuat mengapa kajian ini perlu dilakukan. Carian ini juga menunjukkan bahawa kekurangan dokumentasi dan kajian rasmi mengenai masjid tersebut dalam rekod negara. Kajian ini juga penting agar boleh dijadikan rujukan untuk generasi akan datang.

c. YouTube




Laman sesawang *YouTube* merupakan tempat perkongsian video percuma yang memudahkan untuk menonton video di mana-mana sahaja tanpa mengira waktu dan keadaan. Penggunaan medium ini membolehkan kita untuk memuat naik video sendiri untuk dikongsi bersama penonton dalam negara dan luar negara. Aplikasi atau media ini menunjukkan terdapat laman rasmi *YouTube* Masjid Saujana Utama Sg Buloh, Kuala Selangor. Media rasmi ini menunjukkan rekod rakaman aktiviti yang dijalankan.

d. Facebook Page rasmi MSU



MSU juga mempunyai *Facebook Page* rasmi yang tersendiri. Laman web ini adalah medium dalam menyampaikan segala maklumat dan aktiviti yang berkaitan MSU.



Bagi menampung kos operasi dan pengurusan masjid, pihak MSU juga telah berkolaborasi dengan syarikat yang menawarkan perkhidmatan *crowdfunding*. Hasil sumbangan ini digunakan bagi menampung aktiviti utama masjid terutamanya kuliah dan pembinaan yang akan dijalankan. Laman web masjid ini dilengkapi dengan enam menu utama.

#### e. Keratan akhbar

**Masjid Saujan Utama santuni warga OKU menerusi Program OKU Di Hati**

Norazira Che Noh  
bhrnews@bhr.com.my

SUNGAI BULOH: Seramai 50 warga orang kurang upaya (OKU) dari pelbagai persatuan disantuni menerusi Program OKU Di Hati yang diadakan di Masjid Saujan Utama Sungai Buloh, pada Jumaat lalu.

Program dengan kerjasama Koperasi masjid, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Selangor, Syaddad Care, Muslim Care serta Persatuan Penduduk Saujan Utama itu dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik yang turut disertai masyarakat sekitar.

Nazir Masjid Saujan Utama, Prof Madya Dr Saiful Farik Mat Yatin, berkata antara aktiviti menarik ialah Forum Kemenjadian OKU, bertajuk 'Apakah Peranan Kita' yang antara lain menampilkan ahli panel khas, Cikgu Zakaria Yahya iaitu Guru Contoh OKU di Selangor.

Katanya, dalam forum berkenaan Cikgu Zakaria menekankan bahawa setiap pengorbanan OKU yang berjaya adalah hasil semangat serta doa daripada masyarakat yang cakna kepada golongan berkenaan, serta masjid yang mesra OKU.

"Setiap masyarakat berperanan penting untuk memberi sepenuh perhatian kepada golongan ini. Apabila kita anjurkan program OKU Di Hati ini, kita membuka pelbagai gerai, rawatan refleksologi, akupunktur, pameran al-Quran braille yang mana semua ini diuruskan mereka yang bergelar OKU."

**Popular**

- Lindungi tanah urut, pusat hiburan: Timbalan Pengarah PBT antara 4 ditahan SPRM
- Teruk dikecam, taklimat kewarganegaraan anjur DAP ditangguh
- MPT BERSATU muktamad status 7 wakil rakyat berpaling tadaan
- Syasya terima tajaan RM5 juta
- 'Kau pergi redah banjir kilat Jalan Klang Lama sekarang, Huzi'

Hasil dapatan kajian melalui keratan akhbar Berita Harian yang disiarkan pada 2 Mac 2024 iaitu 3 bulan selepas dari tarikh akhir dapatan kajian berkaitan Program OKU Di Hati. Program ini dijalankan untuk memberi kesedaran akan keperluan golongan OKU terhadap kemudahan yang perlu disediakan oleh masjid serta keperluan dakwah rohani dan jasmani yang diperlukan oleh golongan ini.

### f. Google Scholar

Google Scholar search results for "Masjid Saujana Utama". The results list includes a PDF titled "MASJID GEDHE KAUMAN: MELESTARIKAN BUDAYA, MERAWAT SIMBOL AGAMA, MENJADI SAUJANA PUSAKA INDONESIA" by NA Sayidin, J Kaping from researchgate.net. The results are filtered by "Articles" and show "About 331 results (0.04 sec)".

Hasil pencarian di *Google Scholar* menunjukkan bahawa terdapat lebih kurang 331 artikel mengenai MSU. Selain itu, hasil carian tidak semua berkaitan dengan MSU. Kekeliruan dalam memaparkan hasil carian yang tepat ini menimbulkan kekeliruan serta menyulitkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan relevan.

## 7. METODOLOGI

Dalam mendapatkan maklumat untuk melengkapkan kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan mengadakan sesi temubual. Dengan ini, penerangan dan penjelasan lebih mudah difahami. Penyelidik telah mengadakan dua sesi temubual, iaitu temubual pendahuluan dan temubual sebenar. Sesi temubual pertama adalah bertujuan untuk berbincang berkenaan topik, sesi memperkenalkan diri, serta membina hubungan mesra antara penyelidik dan tokoh. Ketika sesi tersebut, penyelidik cuba untuk merancang soalan untuk temubual sebenar. Manakala sesi temubual sebenar pula adalah sesi dimana penyelidik akan mencatat dan merekodkan segala data dan maklumat yang diberi oleh tokoh.

Kami memilih tokoh tersebut kerana beliau merupakan individu yang memegang jawatan sebagai Nazir Masjid Saujana Utama. Beliau telah menetap di Saujana Utama sejak 2005 dan telah memegang pelbagai jawatan di masjid sehingga dilantik sebagai Nadzir. Komitmen, pengalaman, taraf pendidikan, keperibadian dan kemesraannya telah menjadikan beliau seorang penggerak utama dalam operasi dan pengurusan MSU. Sejak memegang jawatan sebagai Nazir, Dr. Saiful Farik telah menghadapi pelbagai cabaran, dugaan dan perubahan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Beliau memimpin pengurusan masjid dengan melaksanakan banyak perubahan dari segi pembangunan dan aktiviti pengimaranan yang dijalankan. Melalui pengalaman-pengalaman yang telah diperolehnya, MSU dikenali sebagai sebuah masjid yang sangat aktif di Kuala Selangor dengan purata melebihi 100 aktiviti setahun. Ini tidak termasuk aktiviti kuliah yang dijalankan setiap hari sehingga mendapat jolokan 'Tiada hari tanpa kuliah di MSU'.

## 8. HASIL KAJIAN

- a. Untuk menyelidiki sejarah dan asal usul Masjid Saujana Utama
- b. Untuk menilai sejauh mana kepentingan dan peranannya terhadap komuniti dan masyarakat setempat
- c. Untuk mengkaji cabaran dan harapan

### a. Sejarah Dan Asal Usul

Masjid Saujana Utama ataupun MSU telah dibina untuk memenuhi keperluan solat Jumaat bagi penduduk Islam di kawasan Saujana Utama yang semakin padat, menggantikan Surau Ikhwan yang digunakan sebelum ini. Nama MSU telah dipilih daripada tiga cadangan melalui undian komuniti iaitu sama ada Masjid Al-Ikhwan, Masjid Sultan Idris dan Masjid Saujana Utama. Nama Masjid Saujana Utama telah dipilih berdasarkan undian majoriti daripada komuniti. MSU mula dibuka pada tahun 2009, sebelumnya hanya terdapat surau di kawasan tersebut. Solat Jumaat pertama diadakan pada November 2009, walaupun belum dirasmikan. Di samping itu, Dr. Saiful Farik telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa MSU sejak awal penubuhannya pada tahun 2009, dan beliau telah memegang pelbagai jawatan penting di masjid ini, bermula dengan Penolong Setiausaha, Setiausaha, dan kini sebagai Nazir MSU sejak tahun 2023-2025. MSU berfungsi sebagai pusat ibadat, pendidikan, dan kebajikan bagi komuniti setempat, dengan empat (4) surau iaitu Surau Jumaat Al-Muhajirin Saujana Utama 3, Surau Jumaat As-Sobirin Sungai Buloh Country Resort, Surau Nurul Iman Bukit Saujana dan Surau Al-Hijrah Sungai Buloh Country Resort Fasa 3C di dalam sempadan pengurusan MSU, sebuah Sekolah Rendah Islam Madinatul Ilmi (SRIMI) di bawah pengurusannya. Masjid ini juga menguruskan hal ehwal kutipan dan agihan zakat, menguruskan Tanah Perkuburan Islam Raudhatul 'Aliyah (RASU) seluas 13 ekar yang merupakan antara tanah perkuburan Islam terbesar di Selangor, dan mempunyai Koperasi Kariah Masjid Saujana Utama Sg Buloh Berhad (COOPMSU) untuk membantu kesejahteraan ekonomi jemaah. Pada permulaannya, masjid menghadapi cabaran kemudahan asas yang tidak mencukupi seperti kipas kecil dan tiada penghawa dingin.

Namun, sokongan komuniti setempat membolehkan peningkatan kemudahan. Lokasi masjid yang strategik iaitu di tengah-tengah Saujana Utama memudahkan akses penduduk dan pekerja komersial. Reka bentuk masjid menggabungkan elemen tradisional dan moden dengan penggunaan kaca yang banyak pada mulanya. Pembangunan masjid ini melibatkan kerjasama dari beberapa surau di Saujana Utama dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan tanaf wakaf di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Sekreteriat penubuhan masjid yang terdiri daripada ahli jawatankuasa surau-surau sekitar menghadapi cabaran dalam pengurusan awal masjid kerana kekurangan pengalaman. Rumusannya, Masjid Saujana Utama telah berjaya dibina dan berkembang menjadi pusat ibadat, pendidikan dan kebajikan yang penting bagi komuniti Saujana Utama. Masjid ini, yang kini dikelola oleh Dr. Saiful Farik sebagai nazir turut berperanan dalam menguruskan surau-surau sekitar, sekolah agama, kutipan zakat, tanah perkuburan dan koperasi kariah. Walaupun menghadapi cabaran awal dalam kemudahan asas, sokongan komuniti telah membolehkan peningkatan yang signifikan. Dengan lokasi strategik dan reka bentuk yang unik, MSU terus berfungsi sebagai titik tumpuan bagi penduduk dan pekerja komersial di Saujana Utama, menunjukkan keberhasilan kerjasama antara surau-surau sekitar, JKR, MAIS dalam membina dan menguruskan masjid ini.

### b. Kepentingan Dan Peranan

Masjid Saujana Utama telah melaksanakan pelbagai projek dan inisiatif untuk meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan kepada kariah serta masyarakat umum. Antaranya termasuklah pembangunan "Mihrab" dan "Mimbar" sebagai dekorasi tambahan, penggantian karpet uzur dengan karpet Turki dan pengecatan semula masjid. Selain itu, masjid juga menambah kawasan parkir untuk menampung jemaah yang ramai dan membuka perkhidmatan dobi untuk memastikan pakaian ibadah sentiasa bersih. Projek-projek lain termasuk penambahan unit penghawa dingin, pemasangan TV untuk ceramah dan perlaksanaan program umrah. Masjid ini juga aktif dalam kebajikan, dakwah dan

pendidikan melalui pelbagai program termasuk bantuan kepada surau-surau, kelas KAFA, tahliz dan pra-tahliz. Selama tempoh PKP, masjid turut menyediakan bantuan makanan kepada semua golongan tanpa mengira agama. Inisiatif ini bertujuan menjadikan masjid sebagai pusat komuniti inklusif dan berfungsi sebagai rumah kedua untuk semua. MSU juga berfungsi sebagai pusat komunikasi dan kerjasama dengan surau-surau sekitar serta menyediakan sumbangan kewangan dan peralatan seperti mimbar. Ia menganjurkan pelbagai program keagamaan dan kebajikan seperti korban, hari raya dan majlis ilmu serta memberi bantuan khidmat nasihat dan maklumat kepada surau-surau. Masjid juga menyediakan bakul bantuan makanan kepada asnaf setiap bulan, menyumbang kepada NGO untuk program kebajikan, menjalankan projek pembangunan dan penyelenggaraan masjid serta menawarkan pendidikan agama melalui program pra-tahliz. Selain itu, masjid mengadakan program sukan dan rekreasi, memastikan kawasan masjid sentiasa ceria, melancarkan kempen “crowdfunding” untuk pembangunan masjid dan mengadakan program silaturrahim serta jamuan untuk kariah selepas solat dan kuliah. Dengan perlaksanaan pelbagai projek seperti Pembangunan “Mihrab” dan “Mimbar”, penggantian karpet, penambahan kawasan parkir dan pembukaan perkhidmatan dobi, MSU tidak hanya fokus kepada peningkatan fizikal, tetapi juga pada kesejahteraan masyarakat. Inisiatifnya yang meliputi bantuan kepada surau-surau, pelbagai program keagamaan dan kebajikan serta sokongan kepada asnaf dan NGO menunjukkan dedikasinya dalam menyokong pelbagai lapisan masyarakat. Melalui aktiviti seperti kempen “crowdfunding”, program sukan dan majlis ilmu, masjid ini berfungsi sebagai pusat komuniti yang memupuk hubungan silaturrahim dan meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Dengan populasi penduduk sekitar 60,000 orang di dalam persempadan kariah MSU, peranannya sangat penting dalam membina komuniti yang bersatu dan sejahtera.

### c. Cabaran Dan Harapan

Masjid Saujana Utama menghadapi beberapa cabaran utama. Salah satu cabaran utama dalam operasinya iaitu penyebaran maklumat mengenai aktiviti masjid kepada masyarakat. Mereka perlu menggunakan media sosial secara efektif untuk menyampaikan dakwah kepada lebih ramai orang, memastikan meseg tersebut sampai kepada setiap lapisan masyarakat walaupun orang tidak dapat hadir secara fizikal. Dalam konteks politik, masjid perlu mengelakkan politik walaupun ada AJK yang mempunyai hubungan dengan parti politik dan memastikan bahawa politik tidak membawa kepada perpecahan dalam komuniti masjid. Dari segi masalah sosial, masjid berhadapan dengan isu penjualan arak di kawasan majoriti melayu dan perlu menyelesaikan isu-isu moral dengan bantuan pihak berkuasa jika diperlukan. Kekurangan sukarelawan dan AJK terutamanya dalam pengurusan IT (Teknologi Maklumat) dan program-program masjid juga menjadi satu cabaran besar. Selain itu, kekangan kewangan menghalang perlaksanaan program dan aktiviti masjid dan terdapat juga keperluan kewangan yang kukuh untuk menggaji staf sepenuh masa. Pandemik COVID-19 membawa cabaran tambahan dengan penutupan masjid selama dua tahun semasa PKP telah menyebabkan kekurangan dana untuk membayar bil dan elaun serta mematuhi SOP semasa pandemik. Masjid juga perlu menyediakan program kuliah yang sesuai untuk suri rumah dan muslimat yang jarang untuk keluar waktu malam, serta meningkatkan penglibatan wanita dalam program-program masjid. Akhirnya, terdapat cita-cita untuk melengkapkan masjid dengan staf sepenuh masa termasuk pengurus, pegawai, kerani, imam, bilal dan siak yang memerlukan sokongan kewangan yang kukuh untuk direalisasikan. Setiap cabaran ini memerlukan tindakan strategik dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat untuk memastikan MSU dapat berfungsi dengan lebih baik dan memberi manfaat kepada komuniti. Diharapkan agar MSU dapat terus memainkan peranannya dalam mengembalikan fungsi masjid dengan pelbagai aktiviti pengimaranan seperti yang termaktub melalui fungsi biro-biro

yang ditubuhkan iaitu Biro Dakwah & Pendidikan, Biro Penerangan & Pengurusan Maklumat, Biro Pengurusan Aset & Perolehan Harta, Biro Kebajikan & Kemasyarakatan, Biro Pembangunan & Penyelenggaraan, Biro Ekonomi, Wakaf & Koperasi, Biro Sajian, Keceriaan & Keraian, Biro Sukan & Rekreasi, Wakil Pemuda & Wakil Muslimat serta Pengurus Jenazah Muslimat. Dengan wujudnya biro-biro ini, adalah diharapkan ianya akan dapat memenuhi keperluan kariah serta dapat mempereratkan silaturrahim seterusnya menyatukan masyarakat setempat.

## 9. KESIMPULAN

MSU memainkan peranan penting sebagai institusi pusat untuk komuniti Islam di Bandar Saujana Utama, Sungai Buloh, Daerah Kuala Selangor. Selain fungsi utamanya sebagai tempat beribadah, masjid ini juga aktif berfungsi sebagai platform penting untuk komuniti setempat dalam mempromosi dan menyebarkan kefahaman agama. Di samping itu, masjid juga berperanan dalam mengeratkan silaturrahim dan hubungan sosial dalam kalangan komuniti serta memupuk perpaduan di dalam masyarakat. Masjid ini juga aktif memberikan sokongan kepada mereka yang memerlukan bantuan dan panduan kepada individu yang menghadapi pelbagai cabaran. Secara amnya, MSU bukan sahaja berfungsi sebagai pusat keagamaan tetapi juga sebagai tonggak kehidupan masyarakat, memperkaya aspek rohani, jasmani dan sosial untuk masyarakat sekitarnya.

**Penghargaan:** Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada tokoh-tokoh yang sudi membantu kami iaitu Dr. Saiful Farik Mat Yatin dan Hj Rosli Mohd Hussain. Tanpa bantuan mereka, penyelidikan ini tidak akan berlangsung dengan jayanya. Sekalung penghargaan juga untuk Encik Jafalizan Md. Jali, selaku Pensyarah kami yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat, dan nasihat di dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Segala bantuan, strategi, dan kepakaran beliau telah banyak mengajar kami untuk menjadi seorang penyelidik dan bakal graduan yang berketerampilan. Kami sangat menghargai jasa beliau kerana memberikan bimbingan dan nasihat kepada kami sepanjang proses membuat transkrip ini.

## RUJUKAN

Mahazan A. Mutualib, & A.H. Abdul Ghani. (2013). *Leadership traits, leadership behavior, and job autonomy of imams in peninsular Malaysia: A moderated...* ResearchGate; UNIMAS Publisher. [https://www.researchgate.net/publication/288776520\\_Leadership\\_traits\\_leadership\\_behavior\\_and\\_job\\_autonomy\\_of\\_imams\\_in\\_peninsular\\_Malaysia\\_A\\_moderated\\_mediation\\_analysis](https://www.researchgate.net/publication/288776520_Leadership_traits_leadership_behavior_and_job_autonomy_of_imams_in_peninsular_Malaysia_A_moderated_mediation_analysis)

Majlis Agama Islam Selangor. (2017). Warta Kerajaan Negeri Selangor, 2017: *Peraturan-peraturan masjid dan surau negeri Selangor.* <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/08/PERATURAN-PERATURAN-MASJID-DAN-SURAU-NEGERI-SELANGOR-2017.pdf>

Muhammad Faidhi Azis. (2022, Januari 28). *Kembalikan fungsi sebenar masjid.* IKRAM. <https://ikram.org.my/fungsi-masjid/>

Muhammad Talhah Ajmain, & Sharul Fitry Abdul Majid. (2019, October 1). *Masjid Medium Pendidikan Membina Masyarakat Berakh�ak.* ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/341252344\\_Masjid\\_Medium\\_Pendidikan\\_Membina\\_Masyarakat\\_Berakh�ak](https://www.researchgate.net/publication/341252344_Masjid_Medium_Pendidikan_Membina_Masyarakat_Berakh�ak)

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mariam Abd Majid, & Nursyafiqa Binti Bokhari. (2017). *Kepentingan masjid dan peranannya terhadap dakwah Islamiah dalam kalangan muallaf di Malaysia.* <https://conference.uis.edu.my/isra/eprosiding/pdf/012-ISRA-2017.pdf>

Mohd Ismail Mustari, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi, Ajmain @ Jimain Safar, & Azhar Muhammad. (2017). *Membangun potensi masjid sebagai sebuah institusi pendidikan Islam & masyarakat*. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(2), 2289-2960. <https://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2018/04/TAMU-Vol-32-December-2017-5.pdf>

Mohd Ridhuwan Remly, Muhd Najib Abdul Kadir, Fadlan Othman, & Siti Azimah Sabaruddin. (2019). Cabaran Pengurusan Aktiviti Pengimaranan Institusi Masjid: Kajian Kes di Masjid Cemerlang di Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, 9(1), 39–51. <https://jmm.kuis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/21>

Nadzan Haron. (2012). *Panduan penyelidikan dan pendokumentasian sejarah lisan*. Persatuan Sejarah Malaysia. <https://search.worldcat.org/title/panduanpenyelidikan-pendokumentasian-sejarahlisan/oclc/971526308>

Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah, & Hasliza Talib. (2014). Peranan Dan Sumbangan Masjid As-Salam Dalam Pembangunan Masyarakat Di Puchong Perdana. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014). <https://www.academia.edu/47135492/PERANAN DAN SUMBANGAN MASJID AS SALAM DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM DI PUCHONG PERDANA>

Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, & Norajila Che Man. (2016). Pemerkasaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari. UiTM Institutional Repository. *Uiitm.edu.my*, 5(2). <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/83213/1/83213.pdf>

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019, Ogos 5). Bayan Linnas Siri Ke-206: *Pengimaranan masjid: Tugas kita*. Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3618-bayan-linnas-siri-ke-206-pengimaranan-masjid-tugas-kita>

Sahlawati Abu Bakar, Nazneen Ismail, Khairunnisa Ismail, & Norul Huda Bakar. (2023, September 29). *Peranan Dan Cabaran Muslimat Dalam Pengimaranan Masjid: Muslim Women's Role and Challenges in Mosque...* ResearchGate; Penerbit Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. [https://www.researchgate.net/publication/374625843\\_Peranan\\_Dan\\_Cabaran\\_Muslimat\\_Dalam\\_Pengimaranan\\_Masjid\\_Muslim\\_Women's\\_Role\\_and\\_Challenges\\_in\\_Mosque\\_Development](https://www.researchgate.net/publication/374625843_Peranan_Dan_Cabaran_Muslimat_Dalam_Pengimaranan_Masjid_Muslim_Women's_Role_and_Challenges_in_Mosque_Development)